



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



SURUJAJARAYA SYARIAH MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SKIM KEPENTINGAN



MENGENAI SKIM KEPENTINGAN

"Skim Kepentingan" bermaksud pengumpulan wang daripada orang ramai oleh pihak syarikat untuk menjalankan skim dan telah dijanjikan "satu kepentingan" dalam skim syarikat tersebut.

"Kepentingan" yang dimaksudkan termasuk kemudahan dan servis yang disediakan, keuntungan atau pulangan, bergantung kepada jenis skim tersebut.



HUBUNGI KAMI

SSM CONTACT
CENTRE



TELEFON
03-77214000



FAKS
03-77214001



E-MEL
enquiry@ssm.com.my



@SSMOFFICIALPAGE

Kepentingan walaubagaimanapun, adalah tidak termasuk:

1. Apa-apa syer dalam atau debentur suatu perbadanan;
2. Suatu produk pasaran modal yang ditakrifkan di bawah seksyen 2, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
3. Apa-apa kepentingan dalam suatu perjanjian perkongsian melainkan jenis-jenis perjanjian yang dibutirkan di bawah s.2(1)(iii)(A) dan (B), Akta Skim Kepentingan 2016; dan
4. Apa-apa kepentingan penyertaan dalam apa-apa produk yang dikawal selia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Institusi Pembangunan Kewangan 2002.

JENIS-JENIS SKIM



SKIM KECIL

Syarikat Sdn. Bhd. dan Awam (Berhad).
Saiz dana tidak melebihi RM10 juta.



SKIM PREMIUM

Syarikat Awam (Berhad) sahaja.
Saiz dana tiada had kecuali skim pelaburan.



SKIM ASING

Syarikat Awam (Berhad) sahaja.
Lokasi skim di negara asing.
Saiz dana tiada had kecuali skim pelaburan.

KATEGORI SKIM

SKIM PELABURAN



Taman Peringatan



ICT



Pertanian



Dobi

*Tidak terhad kepada contoh di atas sahaja

SKIM KONGSI-MASA



Rumah Peranginan



Residensi Percutian

*Tidak terhad kepada contoh di atas sahaja

SKIM KEAHLIAN REKREASI



Golf & Rekreasi



Marina



Rekreasi Business Suite

*Tidak terhad kepada contoh di atas sahaja

SKIM HIBRID

*Gabungan mana-mana kategori skim di atas

MANFAAT SKIM KEPENTINGAN



PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

Skim Kepentingan berperanan membantu PKS dengan menyediakan platform kepada pihak syarikat untuk mendapatkan pembiayaan daripada orang awam juga sebagai pilihan pelaburan alternatif

Satu kaedah alternatif bagi syarikat yang sedang meningkat naik untuk mengumpul dana bagi mengembangkan perniagaan.

Skim yang dapat menjana pendapatan daripada aktiviti ekonomi yang berasaskan penyediaan kemudahan, prasarana atau peluang pelaburan yang memenuhi permintaan pasaran atau pemegang kepentingan pada harga yang berdaya saing.



PELABUR / PEMEGANG KEPENTINGAN

Satu kaedah pelaburan alternatif bagi menjana pendapatan secara pasif.

Skim yang membolehkan orang awam memanfaatkan kemudahan dan prasarana rekreasi atau percutian pada harga mampu milik.



1. TAPISAN & PENILAIAN



2. PEMEGANG AMANAH



3. SURAT IKATAN AMANAH



4. AKAUN AMANAH



5. PROSPEKTUS



6. TEMPOH BERTENANG



7. PEMANTAUAN KAWALSELIA

KERANGKA KERJA PERLINDUNGAN PEMEGANG KEPENTINGAN

DI BAWAH AKTA
SKIM KEPENTINGAN 2016



BAGAIMANA UNTUK MENGENAL PASTI SKIM KEPENTINGAN??

Skim kepentingan yang ditawarkan mestilah mempunyai kriteria berikut:



dan mana-mana satu (1) kriteria di bawah, anda:-



MEMPUNYAI KEPENTINGAN DALAM HARTA/KEUNTUNGAN DI DALAM SKIM YANG DISERTAI.



MENDAPATKAN PULANGAN/KEUNTUNGAN PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT.



BERHAK MENGGUNAKAN KEMUDAHAN HARTA TERSEBUT TIDAK KURANG 12 BULAN SECARA BERULANG ATAU TIDAK.



BERHAK MENGGUNAKAN KEMUDAHAN PERCUTIAN DUA KALI ATAU LEBIH DALAM TEMPOH SKIM KONGSI-MASA.



PANDUAN ASAS PEMBELI UNIT SKIM KEPENTINGAN



Pastikan entiti yang menawarkan skim adalah berdaftar di bawah Syarikat Sdn. Bhd. / Bhd.



Pastikan syarikat pengurusan melantik pemegang amanah yang berdaftar.



Semak borang permohonan bagi pembelian kepentingan sesuatu skim & hendaklah disertakan bersama satu salinan prospektus yang masih sah.



Sila semak latar belakang syarikat dengan SSM sebelum membuat sebarang pelaburan.



Skim hendaklah mempunyai surat ikatan amanah yang berdaftar dengan SSM.



Pembeli perlu mengetahui risiko yang terlibat berhubung skim dengan menyemaknya di dalam prospektus.



Pemegang kepentingan diberi masa 10 hari tempoh bertenang untuk menarik balik permohonan dan bayaran akan dikembalikan kepada pemohon tanpa sebarang denda.